

Pakai baju merah, sokong kempen cegah sakit jantung

PADA Jumaat ini, pakailah baju merah jika anda ingin menunjukkan sokongan terhadap kempen yang menggalakkan kaum wanita berganding bahu melawan dan mencegah penyakit jantung.

Pelancaran kempen 'Go Red For Women' itu telah diadakan semalam di Singapore Flyer.

Lusa, dari 12 tengah hari hingga 2 petang di Zoysia Green, kawasan terbuka di luar stesen MRT Raffles Place, pula akan diadakan acara untuk anda menunjukkan sokongan kepada usaha ini, terutama mereka yang bekerja di pejabat di sekitar kawasan tersebut.

Beberapa kegiatan akan diadakan pada acara anjuran Yayasan Jantung Singapura (SHF) ini. Turut memberi sokongan ialah Cik Abidah Mahmood atau Dee Dee, pakar fisiologi senaman yang juga duta kempen ini bagi masyarakat Melayu. Beliau akan tampil sebagai juruacara.

Data 2005 menunjukkan seorang dalam setiap tiga orang wanita Singapura maut disebabkan penyakit jantung berbanding dengan seorang dalam setiap 23 orang yang meninggal dunia kerana barah buah dada.

Penyakit jantung dan angin ahmar merangkumi 34 peratus daripada semua kematian wanita di sini dan secara bersama ia adalah penyakit pembunuh nombor satu di kalangan wanita Singapura.

Untuk keterangan lanjut mengenai kempen ini, anda boleh lawati laman <www.myheart.org.sg>.